

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : PENGENALAN KEPADA  
UNDANG-UNDANG

KOD KURSUS : BPE 12402

PROGRAM : 1BPD

TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2013/JANUARI 2014

MASA : 2 JAM

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **LIMA (5)** MUKA SURAT

**SULIT**

**BAHAGIAN A**

**S1** Apakah persamaan yang boleh dilihat di antara jawatan sebagai Menteri di dalam Kabinet dan Senator di Dewan Negara?

- (a) Kedua-duanya adalah dikategorikan sebagai badan eksekutif.
- (b) Kedua-duanya boleh menjawat jawatan tersebut tanpa perlu memenangi pilihanraya.
- (c) Kedua-duanya merupakan Ahli Dewan Negara.
- (d) Kedua-duanya mempunyai peranan penting dalam pentadbiran Negara.

(2 markah)

**S2** Berikut yang manakah **TIDAK BENAR** berhubung bidang kuasa Mahkamah?

- (a) Dalam bidang kuasa sivil, Mahkamah Majistret boleh mendengar kes yang melibatkan nilai tuntutan melebihi RM25,000-00.
- (b) Dalam bidang kuasa jenayah, kes yang melibatkan hokum mati mandatory di dengar di Mahkamah Tinggi
- (c) Dalam bidang kuasa sivil, Mahkamah Rayuan boleh mendengar kesemua kes rayuan yang dibawa dari Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret.
- (d) Dalam bidang kuasa jenayah, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur boleh mendengar kes sindiket pengedaran dadah yang dijalankan di Johor, Pahang dan Kuala Lumpur.

(2 markah)

**S3** Berikut yang manakah **TIDAK BENAR** mengenai kaveat?

- (a) Kaveat bertujuan untuk menjaga kepentingan pemilik tanah ke atas tanahnya.
- (b) Kaveat boleh dimasukkan oleh pembeli yang telah membayar wang muka sebanyak 20% daripada harga jual beli atau mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan keatas tanah tersebut.
- (c) Kaveat bertujuan mengekalkan *status quo* sesuatu tanah sehingga perjanjian jual beli disempurnakan di antara penjual dan pembeli.
- (d) Kaveat bertindak sebagai satu Notis atau halangan terhadap lain-lain transaksi seterusnya.

(2 markah)

S4 Berikut adalah ciri-ciri jawatan "X"

- Setiap negeri mempunyai barisan jawatan "X" sendiri yang mana jika di peringkat Persekutuan status atau kedudukan jawatan "X" adalah sama seperti Menteri di dalam Kabinet
- Jawatan "X" terdiri daripada mereka yang memenangi pilihanraya peringkat negeri (DUN)

Berdasarkan kepada ciri-ciri tersebut di atas, jawatan "X" merujuk kepada?

- (a) Ahli Dewan Undangan Negeri
- (b) Ahli Dewan Negara
- (c) Exco
- (d) Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

(2 markah)

S5 Karim Bin Ali dan Selamat Bin Musa adalah rakan sekampung sejak kecil. Malangnya, bapa Selamat iaitu Pak Musa telah meninggal dunia dan Selamat sekeluarga telah dihalau dari rumah sewa mereka kerana ibu Selamat tidak mampu membayar sewa bulanan rumah tersebut. Atas rasa simpati bapa Karim, Pak Ali telah membenarkan keluarga Selamat untuk membina sebuah pondok di tanah miliknya di hujung kampung dan membenarkan keluarga Selamat untuk tinggal di atas tanah tersebut selama mana yang keluarga Selamat mahu. Karim sekeluarga kemudiannya telah berhijrah ke Kuala Lumpur. Selepas 40 tahun, pondok yang didiami oleh Selamat sekeluarga akhirnya bertukar menjadi sebuah rumah banglo. Selamat kemudiannya telah menjual tanah berserta rumah bangle tersebut kepada Ah Keng bagi menyelesaikan segala hutangnya akibat kemerosotan perniagaan yang dijalankan dan nama Ah Keng telah didaftarkan di dalam surat hakmilik tanah tersebut. Ah Keng kemudiannya telah menjual tanah tersebut kepada Dato' Salleh dengan harga dua kali ganda daripada harga yang dibelinya daripada Selamat. Pak Ali kemudiannya telah kembali ke kampung tersebut dan beliau terkejut apabila mendapati Dato' Salleh telah menjadi pemilik berdaftar tanah tersebut sedangkan beliau tidak pernah menandatangani Borang 14A. Berdasarkan kepada senario di atas, siapakah pemilik yang sebenarnya keatas hartanah tersebut dengan mengguna pakai prinsip hakmilik yang tidak boleh disangkal ("*indefeasible title*")?

- (a) Dato' Salleh
- (b) Ah Keng
- (c) Pak Ali
- (d) Selamat Bin Musa

(2 markah)

**BAHAGIAN B**

- S6** Beri takrifan maksud pembahagian kuasa (*separation of power*) di antara pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.  
(2 markah)
- S7** Nyatakan syarat-syarat penggunaan Undang-undang Inggeris (*Common Law*) berdasarkan Seksyen 3 Akta Undang-Undang Sivil 1956.  
(3 markah)
- S8** Jelaskan maksud "*mirror principle*" dan "*curtain*" dalam sistem Torrens yang digunapakai dalam Undang-undang Tanah di Malaysia.  
(5 markah)
- BPE12402
- S9** Bezakan maksud "*first party charge*" dan "*third party charge*"?  
(6 markah)
- S10** Undang undang Malaysia di bentuk dari pelbagai sumber.  
(a) Jelaskan sumber-sumber yang membentuk undang-undang Malaysia.  
(6 markah)  
(b) Nyatakan perbezaan utama yang wujud di antara sumber-sumber tersebut.  
(6 markah)
- S11** Jelaskan secara terperinci proses penggubalan sesuatu Enakmen.  
(6 markah)
- S12** Terdapat beberapa cabang yang membentuk pentadbiran negara. Nyatakan dengan jelas komponen-komponen yang membentuk cabang tersebut dan fungsi setiap satu cabang.  
(6 markah)

**BAHAGIAN C**

**S13** Bincangkan peranan adat dan undang-undang dalam masyarakat Melayu tradisional dengan merujuk kepada Adat Papatih dan Adat Temenggung.

(10 markah)

**S14** Satu perjanjian bertarikh 01-10-2013 telah ditandatangani di antara Syarikat Kontraktor Bina Jaya dan Syarikat Pembekal Barang Binaan Tim di mana Syarikat Pembekal Barang Binaan Tim telah bersetuju untuk membekalkan barang-barang binaan kepada Syarikat Kontraktor Bina Jaya bagi tempoh satu tahun (1) sahaja bermula daripada tarikh perjanjian ditandatangani. Adalah menjadi salah satu terma yang dipersetujui di antara keduanya di dalam perjanjian tersebut, nilai barang yang dibekalkan pada setiap bulan adalah ditetapkan dan dikekalkan pada jumlah Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000-00) sahaja. Lanjutan, adalah dipersetujui bahawa penghantaran barang mesti dibuat pada 01 haribulan setiap bulan dan pembayaran mesti dibuat selepas tujuh (7) hari daripada penerimaan bekalan. Perjanjian ini berjalan dengan lancar sehinggalah pada 02 Jun, 2014 selepas penghantaran bagi bulan Jun dibuat, laporan daripada akauntan Syarikat Pembekal Barang Binaan Tim mendapati pihak syarikat Kontraktor Bina Jaya telah gagal menjelaskan bayaran sejak Februari, 2014 dan pembayaran yang dibuat melalui cek MB-bank No. 56733 bernilai RM50,000-00 bagi bulan Januari, 2014 telah ditolak oleh pihak bank kerana akaun Syarikat Kontrktor Bina Jaya di MB-bank telah ditutup. Berdasarkan situasi yang dinyatakan di atas, jawab soalan-soalan berikut;

(a) Nyatakan di mahkamah manakah Writ Saman dan Pernyataan Tuntutak akan difailkan sekiranya Syarikat Pembekal Barang Binaan Tim ingin memulakan tindakan/prosiding sivil keatas Syarikat Kontraktor Bina Jaya.

(2 markah)

(b) Sekiranya Syarikat Pembekal Barang Binaan Tim ingin mengambil tindakan keatas Syarikat Kontraktor Bina Jaya, nasihatkan bentuk tuntutan yang boleh di ambil oleh mereka.

(15 markah)

(c) Andaikan bahawa Syarikat Kontraktor Bina Jaya akan melantik peguam mereka bagi menafikan tuntutan oleh pihak Syarikat Pembekal Barang Binaan Tim, jelaskan secara terperinci kepada Syarikat Pembekal Barang Binaan Tim prosiding sivil yang melibatkan tuntutan mereka dari mula sehingga akhir (keputusan diberikan oleh Mahkamah).

(15 markah)

(d) Bincangkan samada Syarikat Pembekal Barang Binaan Tim berhak mengemukakan rayuan sekiranya keputusan Mahkamah tidak memihak kepada mereka.

(8 markah)

**-SOALAN TAMAT-**